

SUBANG, 11 SEPT (BERNAMA) . . DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN SEDIA MENIMBANGKAN MASALAH TOL DI CHERAS TETAPI MENGULANGI BAHAWA KEGANASAN BUKAN CARANYA UNTUK MENYELESAIKAN SESUATU-MASALAH.

KATANYA, TINDAKAN GANAS UNTUK MENUNJUKKAN KUASA RAKYAT ATAU +PEOPLE'S POWER+ BUKANLAH CARADI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KUASA RAKYAT HENDAKLAH DITUNJUKKAN MELALUI UNDI ATAU BERUNDING BAGIMENCARI PENYELESAIAN MASALAH.

+UMPAMANYA BILA ADA BANTAHAN BERHUBUNG DASAR EKONOMI BARU DAN AKTA PENDIDIKAN, KITA AJAK BERUNDING, KITA DUDUK BERSAMA SEPERTI ORANG BERTAMADUN... BUKANNYA MEMBALING BATU,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DISINI SEBELUM BERLEPAS KE KOREA SELATAN UNTUK MENGADAKAN LAWATAN RASMI SELAMA EMPAT HARI.

SEBILANGAN PENDUDUK CHERAS TELAH MENGADAKAN DEMONSTRASI DI PLAZA TOL KMB BEBERAPA HARI LEPAS SEBAGAI MEMBANTAH KADAR TOL \$1 YANG DIANGGAP TERLALU TINGGI. DEMONSTRASI PADAMALAM HARI JUMAAT MENJADI GANAS DENGAN SEBAHAGIAN DARIPADA MEREKA MEMBALING BATU DAN BOTOL, MEMAKSA POLIS MELEPASKAN GAS PEMEDIHMATA.

PERDANA MENTERI BERKATA PARTI-PARTI PEMBANGKANG CUBA MENGGUNAKAN CARA YANG TIDAK BAIK UNTUK MENDAPATKAN PENGARUH POLITIK SERTA MAHU MENGGUNAKAN KUASA RAKYAT KERANA MEREKA TIDAK MEMPUNYAI KUASA. -- LAGI.

1452MST 11 09 90

U B317 AAB
MAHATHIR - TOL 2 SUBANG

+INI ADALAH CARA-CARA YANG KURANG BAIK YANG DIGUNAKAN OLEH PARTI PEMBANGKANG KERANA MEREKA TIDAK ADA KUASA DALAM KERAJAAN. (OLEHITU) MEREKA HENDAK MENGGUNAKAN KUASA RAKYAT. KITATIDAK TERIMA CARAINI,+ KATANYA.

APABILA DITANYA MENGENAI KENYATAAN TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA TAN SRI ABDUL RAHIM MOHAMED NOOR YANG MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN MEMINTA KERAJAAN MENGISYTIHARKAN PERINTAH BERKURUNG DIKAWASAN PLAZA TOL CHERAS DAN SEKITARNYA SEKIRANYA TUNJUK PERASAAN DI SITU SEMAKIN BURUK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +MEMANGLAH BILA ADA RUSUHAN KITAKENA BUAT MACAH ITU.+

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERHARAP KEADAAN TIDAK AKAN MENJADI BURUK SEHINGGA KE TAHAP SEPERTI ITU.

TAMBAHNYA, PERBUATAN MEMBALING BATU (SEPERTI YANG BERLAKU SEMASA DEMONSTRASIDI PLAZA TOL CHERAS ITU) TIDAK SEWAJARNYA BERLAKU DI MALAYSIA.

MENGENAI CADANGAN ANGGOTA PARLIMEN KAWASAN BUKIT BINTANG, ENCIK LEE LAM THYE UNTUK MENEMUI BELIAU BERHUBUNG MASALAH ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, ENCIK LEE BOLEH MENEMUINYA. -- LAGI.

1456MST 11.09 90

0742

U B319 AAB
MAHATHIR - TOL 3 SUBANG

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PENDUDUK DI KAWASAN BERKENAAN TIDAK PERLU BERJUMPA ENCIK LEE (DAP) KERANA BARISAN NASIONAL JUGA MEMPUNYAI WAKIL DI KAWASAN ITU.

KATANYA? WAKIL-WAKIL BN ITU TELAH MENEMUI BELIAU SERTA BERUNDING BERHUBUNG YASALAH ITU.

+KITASUDAH BINCANG MENGENAI PERKARA ITU. TETAPI SYQRATNYA TIDAK ADA RUSUHAN. INI SATU KUMPULAN KECIL SAHAJA YANG HENDAK MENCARI FAEDAH POLITIK,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MENYEDARI MASALAH YANG WUJUD TETAPI +JANGAN CUBA BALING BATU, PUKUL, MAIN ISU PERKAUMAN... + TAMBAHNYA SOAL TOL TIDAK SEHARUSNYA DIKAITKAN DENGAN SOALKAUM. +

PERDANA MENTERI BERKATA SEBELUM INI KERAJAAN PERNAH MEMBERI PERTIMBANGAN TERHADAP BAYARAN TOL DI JALAN KUCHING APABILA ADA RUNGUTAN.

TETAPI? KATANYA, PERBUATAN DEMONSTRASI TIDAK BERLAKU SEMASA BAYARAN TOL DIKENAKAN DI JALAN ITU. -- BERNAMA.